

14/08/1998

Isu perlu diselesai secara rundingan

Saodi Mat Atar

JOHOR BAHRU, Khamis - Pemimpin badan Melayu-Islam Singapura berharap isu membabitkan pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Tanjong Pagar diselesaikan dalam semangat kerjasama jiran di antara Malaysia dan Singapura.

Dalam memberi pandangan agar isu itu diselesaikan segera secara rundingan, mereka berpendapat kedua-dua negara perlu bertolak ansur supaya masalah itu tidak perlu dirujuk kepada pihak ketiga.

Malah, ada di kalangan pemimpin terbabit menyarankan supaya Perdana Menteri kedua-dua negara, Goh Chok Tong dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bertemu secepat mungkin bagi menyelesaikannya.

Mereka menyatakan padangan itu kepada Berita Harian Singapura yang membuat rumusan bahawa tujuh pemimpin badan terbabit sependapat republik itu sudah membentangkan faktanya dengan jelas, lantas menyokong keputusan Singapura memindahkan KIK dari Tanjong Pagar ke Woodlands.

Rumusan yang disiarkan di muka depan akhbar itu menyifatkan sesetengah pihak di Malaysia membesar-besarkan isu berkenaan atas kepentingan politik, selain waktu pemindahan KIK tidak sesuai kerana kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini.

Akhbar itu menemuramah pemimpin terbabit dan orang perseorangan bagi mendapat pandangan berhubung tindakan Singapura memindahkan KIKnya mulai 1 Ogos lalu manakala Malaysia tetap mengekalkan perkhidmatannya di Stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Tanjong Pagar.

Dalam laporan temubual dengan tujuh pemimpin terbabit yang disiarkan di muka dalam akhbar itu, seorang daripada mereka, Presiden Taman Bacaan, Abdul Halim Kader, antara lain berharap kedua-dua Perdana Menteri dapat bertemu secepat mungkin untuk menyelesaikan isu itu.

Pemangku Presiden Persatuan Minang, Irianto Safari, pula mahu perjanjian asal diteliti dan mekanisme hubungan antara kerajaan termasuk peringkat kementerian digunakan bagi mencari penyelesaian terbaik.

Beliau juga menyarankan Perdana Menteri kedua-dua negara menangani masalah itu dan berharap pertikaian berkenaan tidak perlu sampai ke tahap dirujuk kepada pihak ketiga.

Presiden Pergas, Abu Bakar Hashim juga sependapat agar kedua-dua pihak duduk semula berbincang dan berunding selain perlu bertolak ansur.

Selain itu, pensyarah Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr Mukhlis Abu Bakar berkata, Singapura mempunyai asas kuat dalam isu KIK.

"Dari segi fakta, Singapura sudah melakukan apa yang sepatutnya dilakukan dan fakta yang dibentangkan memperlihatkan kedudukan jelas mengenai KIK.

"Namun fakta saja tidak mencukupi. Ia juga perlukan banyak usaha diplomasi untuk mengelak timbulnya bantahan dari Malaysia," katanya.

Pensyarah Sosiologi NUS, Dr Syed Farid Alatas berkata, perselisihan faham dalam isu KIK itu hanya akan mengeliru dan membingungkan masyarakat sejagat.

(END)